

**Rosmah Minta Rakyat Bersyukur Dengan Keamanan Negara
Bernama
17 Ogos, 2011**

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor berkata rakyat Malaysia amat bernasib baik kerana dapat menjalani kehidupan pelbagai kaum secara harmoni dan dalam suasana aman dan damai.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat bersyukur dengan keamanan negara hingga membolehkan mereka menikmati kehidupan yang lebih baik berbanding rakyat di beberapa negara asing yang kini bergolak dan dilanda krisis kebuluran.

"Seharusnya rakyat di Malaysia bersyukur kerana negara kita bukan sahaja cukup makan, cukup pakai malah selamat...tidak ada orang hendak mengacau kita," katanya ketika berucap pada program Rahmat Ramadan di Dataran Merdeka di sini.

Rosmah juga memuji kecekapan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam menjaga keamanan negara walaupun sering dikritik sesetengah pihak.

Program Rahmat Ramadan, anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama-sama 25 organisasi bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta dan agensi kerajaan, meraikan kira-kira 5,000 orang kumpulan sasar kementerian itu.

-- BERNAMA

2011 Hakcipta BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=608848>